

TINJAUAN PERBANDINGAN RASA SELAMAT DALAM KAWASAN RUKUN TETANGGA (KRT) YANG MEMPUNYAI SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS) DAN KRT YANG TIDAK MEMPUNYAI SRS TAHUN 2024

RINGKASAN EKSEKUTIF

Tinjauan Perbandingan Rasa Selamat dalam Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang mempunyai Skim Rondaan Sukarela (SRS) dan KRT yang tidak mempunyai SRS telah dilaksanakan bagi memahami tahap keselamatan komuniti berdasarkan persepsi penduduk. Rasa selamat merangkumi keadaan bebas daripada ancaman fizikal, jenayah dan gangguan terhadap individu, keluarga dan harta benda. Kajian ini melibatkan 16 negeri dengan kutipan data dilaksanakan secara soal selidik dalam talian. Sebanyak 12,612 respons diterima, namun hanya 8,910 lengkap dan 7,399 memenuhi kriteria untuk analisis perbandingan. Tinjauan memberi tumpuan kepada pengaruh kewujudan SRS terhadap rasa selamat komuniti serta faktor sosial yang menyumbang kepada pembentukan persekitaran kejiranan yang selamat.

Permasalahan kajian adalah berkenaan isu keselamatan yang merangkumi peningkatan kes jenayah harta benda dan keselamatan dalam komuniti Rukun Tetangga. Justeru, SRS diwujudkan sebagai mekanisme sokongan komuniti, namun tahap kefahaman masyarakat terhadap peranan SRS dan keberkesanannya masih berubah-ubah. Terdapat juga cabaran metodologi seperti isu teknikal soal selidik atas talian serta ketidakpastian sebahagian responden mengenai kewujudan SRS di kawasan mereka (17% tidak pasti). Objektif kajian adalah untuk menilai persepsi rasa selamat penduduk, membandingkan rasa selamat antara KRT dengan SRS dan tanpa SRS dan mengenal pasti keberkesanan aktiviti KRT dan SRS terhadap keselamatan komuniti. Skop kajian melibatkan dimensi persepsi rasa selamat, keberkesanan aktiviti KRT, keberkesanan rondaan SRS serta isu keselamatan setempat yang dialami komuniti.

Kajian menggunakan reka bentuk kuantitatif melalui edaran instrumen soal selidik menggunakan aplikasi *Survey Monkey*. Pendekatan persampelan kelompok berbilang peringkat (*multi-stage cluster sampling*) dipilih bagi memastikan representasi seluruh negeri yang mempunyai KRT aktif. Pengumpulan data dilakukan selama 25 hari, diikuti proses pembersihan dan analisis data sehingga 7 Februari 2025. Soal selidik merangkumi demografi responden, persepsi rasa selamat, keberkesanan KRT, keberkesanan SRS serta isu keselamatan setempat. Data dibandingkan menggunakan analisis deskriptif dan Ujian *Chi-Square* bagi melihat hubungan signifikan antara kehadiran SRS dan tahap rasa selamat komuniti.

Dapatan menunjukkan tahap persepsi rasa selamat adalah tinggi dengan skor purata 4.3952 dan sisihan piawai 0.55252, menggambarkan konsistensi pandangan responden. Sebanyak 96.15% penduduk kawasan yang ada SRS melaporkan berasa selamat, berbanding 90.39% di kawasan tanpa SRS, menunjukkan perbezaan 5.76%. Ujian *Chi-Square* mendapati nilai $p = 0.000 < 0.05$, menandakan hubungan signifikan antara kewujudan SRS dan rasa selamat. Selain itu, 95.5% responden percaya komitmen anggota SRS meningkatkan penglibatan penduduk, manakala 97% bersetuju penduduk perlu diberi lebih kefahaman tentang peranan SRS. Dari segi keberkesanan aktiviti KRT, lebih 98% responden setuju bahawa aktiviti KRT meningkatkan semangat kejiwaan, penyampaian maklumat keselamatan dan kerjasama dengan agensi seperti PDRM, AADK dan JKM. Dapatan juga menunjukkan isu jenayah adalah lebih rendah di kawasan yang mempunyai SRS, termasuk kes pecah rumah, curi kenderaan dan vandalisme.

Kesimpulannya, tinjauan membuktikan bahawa kewujudan SRS memainkan peranan signifikan dalam meningkatkan rasa selamat komuniti. Walaupun perbezaan persepsi keselamatan antara kawasan SRS dan tanpa SRS tidak begitu ketara namun kawasan ada SRS tetap menunjukkan tahap rasa selamat yang lebih tinggi dan konsisten. Aktiviti KRT berkolaborasi dengan agensi penguat kuasa menjadi faktor penting yang memperkukuhkan keselamatan komuniti. Kajian ini juga menekankan keperluan memperluaskan SRS ke semua KRT serta meningkatkan kefahaman penduduk terhadap peranan SRS. Secara keseluruhannya, hasil tinjauan mengesahkan bahawa SRS ialah mekanisme keselamatan komuniti yang berkesan dan mendapat kepercayaan tinggi daripada penduduk di seluruh negara.